

Penularan COVID-19

# Perintah kawalan pergerakan mampu sekat wabak

Kerajaan putuskan larangan berhimpun bermula esok hingga 31 Mac

Oleh Iskandar Ibrahim, Suzalina Halid, Luqman Arif Abdul Karim dan Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai esok sehingga 31 Mac di seluruh negara, selaras Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang mengumumkan keputusan itu malam tadi, berkata perintah yang meliputi enam perkara itu membabitkan larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara, termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial serta budaya.

Bagi menguatkuasakan larangan selama 14 hari itu, semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup kecuali pasar raya, pasar awam, kedai

runcit dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan harian.

"Khusus untuk umat Islam, penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau, termasuk solat Jumaat adalah selaras keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang bersidang semalam," katanya dalam perutusan khas yang disiaran secara langsung di stesen televisyen seluruh negara.

Perkara kedua adalah sekatan menyeluruh perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara dan bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela selama 14 hari.

Ketiga, sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara, keempat adalah penutupan semua TASKA, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah serta prauniversiti.

Kelima, penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara.

Keenam, penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali

yang terbabit dengan perkhidmatan penting negara.

Perkhidmatan penting itu merangkumi air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

Muhyiddin berkata, kerajaan sedar pendekatan sedemikian mungkin menimbulkan kesulitan dan kesukaran untuk rakyat menjalani kehidupan sehari-hari, namun ia harus diambil bagi membendung penularan COVID-19 yang dikhawatiri mampu meragut nyawa rakyat.

Malaysia, katanya, tidak boleh menunggu lebih lama sehingga keadaan menjadi meruncing, justeru tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera untuk membendung penularan wabak dengan cara mengehadkan pergerakan orang ramai.

"Inilah satu-satunya cara untuk kita mengelakkan lebih ramai rakyat negara ini dijangkiti wabak yang boleh meragut nyawa. Saya harap saudara-saudari dapat bersabar menghadapi dugaan ini. Jangan panik, jangan cemas dan sentiasalah bertenang."

"Saya percaya dengan langkah



*Muhyiddin pada perutusan khas disiarkan secara langsung di stesen televisyen seluruh negara, malam tadi.*

 *Saya percaya dengan langkah sekatan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan, kita mampu menyekat penularan wabak ini dalam tempoh terdekat.*

**Muhyiddin Yassin,**  
Perdana Menteri

sekatan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan, kita mampu menyekat penularan wabak ini dalam tempoh terdekat.

"Kita melihat beberapa negara yang mengambil langkah yang agak drastik untuk mengawal penularan wabak ini seperti China yang menunjukkan penurunan mendadak kes-kes jangkitan COVID-19," katanya.

Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa bekalan bahan makanan, keperluan harian dan penjagaan kesihatan, termasuk topeng muka adalah mencukupi.

Katanya, beliau mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau situasi bekalan makanan dan keperluan harian di pasaran sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan berkuat kuasa.

"Saya merayu kepada saudara-saudari agar sentiasa mematuhi perintah kawalan pergerakan ini. Ini adalah tanggungjawab kita bersama yang mesti kita laksanakan sebagai rakyat yang prihatin terhadap keluarga kita, masyarakat kita dan negara kita.

"Saya juga ingin memaklumkan bahawa sidang khas Majlis Keselamatan Negara akan berseysuarat setiap hari untuk memantau dan mengawasi situasi wabak COVID-19. Saya sendiri akan mempengaruhi mesyuarat ini dan memaklumkan kepada saudara-saudari perkembangan situasi wabak," katanya.